

mengambil kira harga barangan, alat ganti, latihan, pentauliahan/pemasangan, jaminan, penyelenggaraan dan lain-lain.

- (iv) Penilaian harga hendaklah dilaksanakan secara bermesyuarat. Penilaian harga secara edaran adalah tidak dibenarkan.

7.3.4 Beberapa syarat mesti dipatuhi semasa penyediaan penilaian tender seperti berikut:

- (a) Tender yang perlu dipertimbangkan adalah terhadap kepada tender-tender yang telah dibuka dan disenaraikan dalam jadual tender sahaja. Tender yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak boleh dibuka dan dibuat penilaian.⁶
- (b) Semua pihak yang terlibat dalam sesuatu urusan tender termasuk mempertimbangkan sesuatu tender dilarang mengubah apa-apa maklumat yang dikemukakan petender di dalam dokumen tender termasuk harga, pengalaman petender dan sebagainya.⁷
- (c) Di mana dokumen tender membenarkan tender alternatif (contohnya kerja cerucuk) dikemukakan, setiap alternatif mestilah diambil kira dan dinilai sebagai satu tender berasingan. Di mana tender tidak meminta petender memberi alternatif, sebarang alternatif yang ditawarkan tidak akan dipertimbangkan.⁸
- (d) Perhubungan dengan petender-petender adalah tidak dibenarkan semasa proses penilaian tender.⁹ Walau bagaimanapun sekiranya penjelasan atau pengesahan diperlukan daripada petender-petender, ianya mestilah diperolehi secara bertulis setelah mendapat kebenaran daripada pihak-pihak berikut¹⁰:
 - (i) Tender bagi pertimbangan Lembaga - Pengerusi Lembaga Perolehan diperingkat Negeri Perolehan Tender berkenaan

⁶ SPP5/2007 bertarikh 27 Feb 2007

⁷ SPP5/2007 bertarikh 27 Feb 2007

⁸ Surat Arahan KPKR Bil. 6/1989 bertarikh 30.9.89.

⁹ AP193.G Ms95 & SPP5/2007 bertarikh 27 Feb 2007

¹⁰ AP 193.g Ms 95